



KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR PEPERIKSAAN AKHIR

NAMA KURSUS : TEORI SENIBINA 2
KOD KURSUS : DSB2163
PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2020
MASA : 2 JAM 30 MINIT

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian: **BAHAGIAN A (10 Markah)**
BAHAGIAN B (60 Markah)
BAHAGIAN C (30 Markah)
 2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
 3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperoleh untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Buku Jawapan
 - iii. Kertas Jawapan Objektif


JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNG 7 HALAMAN BER CETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A (10 MARKAH)

Bahagian ini mengandungi **SEPULUH (10)** soalan.

Jawab **semua** soalan pada Kertas Jawapan.



Soalan 1 berdasarkan **Gambarajah 1**

1. Gambarajah 1 yang menunjukkan Rumah Melayu Tradisional jenis Perabung Panjang. Pilih ciri yang tepat.
 - A Mempunyai struktur paling rumit.
 - B Memudahkan penambahan ruang.
 - C Banyak terdapat di Terengganu dan Kelantan.
 - D Rekaan mempunyai pengaruh Bugis dan Belanda.

2. Pilih kenyataan yang **tepat** berkenaan ruang Rumah Ibu.
 - A Sebagai tempat melayani tetamu wanita.
 - B Ruang peralihan di antara ruang awam dan peribadi.
 - C Ruang yang kedua besar dalam Rumah Tradisional Melayu.
 - D Mempunyai aras lantai yang paling tinggi berbanding ruang lain.

3. Pilih kenyataan yang **benar** tentang ciri jenis Rumah Pantai Timur.
 - i. Terdapat loteng di bahagian bumbung rumah.
 - ii. Banyak terdapat di Kelantan dan Terengganu.
 - iii. Ada ruang lanskap di bahagian tengah rumah.
 - iv. Terdapat hujung melengkung di bahagian bumbung.
 - A i, ii
 - B ii, iv
 - C i, ii, iii
 - D ii, iii, iv

4. Pilih kenyataan yang **benar** tentang ciri Rumah Perabung Lima.

- i. Rumah tertua di Tanah Melayu.
- ii. Mempunyai pengaruh dari Belanda.
- iii. Mempunyai *courtyard* di tengah ruang rumah.
- iv. Mempunyai ruang yang besar antara lantai dan bumbung.

A i,ii

B ii,iii

C ii,iv

D i,iii,iv

5. Bagaimakah faktor kedatangan Islam mempengaruhi rekabentuk Rumah Tradisional Melayu?

- i. Rumah dibina ke arah kiblat.
- ii. Pembinaan rumah disusun mengikut bentuk grid.
- iii. Rumah-rumah dibina bergabung dengan alam sekeliling.
- iv. Mewujudkan ruang yang memisahkan di antara lelaki dan wanita.

A i,ii

B ii,iii

C i,iv

D ii,iii,iv

6. Gaya Moghul ketika era Kolonial Inggeris boleh dilihat pada bangunan berikut.

- i. Masjid Zahir, Kedah
- ii. Bangunan Kelab Selangor
- iii. Majlis Perbandaran Pulau Pinang
- iv. Bangunan Sultan Abdul Samad, Kuala Lumpur

A i, ii

B i, iv

C ii, iii

D ii, iv

7. *Menerapkan kegiatan perancangan yang lebih teratur pada bandar-bandar yang dibuka bagi tujuan keselesaan penduduk*

Kenyataan di atas merujuk kepada era pemerintahan

- A** China.
- B** Portugis.
- C** Belanda.
- D** Inggeris.

8. Pilih kenyataan yang **benar** mengenai Seni Bina Kolonial Inggeris di Malaysia.
- i. Rekabentuk kolonial diterapkan juga pada istana Raja Melayu.
 - ii. Monumen pertama adalah kota pertahanan iaitu Kota Cornwallis.
 - iii. Dinding bangunan sangat tebal untuk tujuan ketahanan bangunan.
 - iv. Banyak bangunan kolonial dibina di bandar-bandar utama Tanah Melayu.
- A** i,ii
 - B** i,iii
 - C** ii,iii
 - D** i, ii,iv
9. Antara yang berikut yang manakah penggerak utama kepada Revolusi Industri pada kurun ke-19.
- A** Keluli, tekstil, besi.
 - B** Tekstil, kuasa stim, besi.
 - C** Kuasa stim, genting, besi.
 - D** Tekstil, arang batu, kuasa stim.
10. Pilih kenyataan yang **benar** mengenai Revolusi Industri kurun ke-19.
- A** Revolusi bermula di Perancis
 - B** Penerbitan berkala berkenaan teknologi dan pembuatan
 - C** Sektor pertanian tidak lagi penting kepada perkembangan ekonomi
 - D** Pekerja luar bandar mendapat tempat kediaman yang selesa di bandar

BAHAGIAN B (60 MARKAH)

Bahagian ini mengandungi **EMPAT(4)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada Kertas Jawapan.

SOALAN 1

- a. Terangkan kegunaan ruang selang dalam variasi rekabentuk Rumah Selang.
(3 markah)
- b. Bincangkan **dua (2)** perbezaan di antara Rumah Perabung Lima dengan Rumah Perabung Limas. Gunakan lakaran untuk membantu penerangan anda di dalam jadual di bawah.

Rumah Perabung Lima		Rumah Perabung Limas	
Penerangan	Lakaran	Penerangan	Lakaran
i. (2.5m)		i.	
ii. (2.5m)	(1m)	ii.	(1m)

(12 markah)

SOALAN 2

- a. Terangkan bagaimana kuasa stim menyumbang kepada inovasi semasa Revolusi Industri.
(3 markah)
- b. Terangkan **dua(2)** ciri utama Senibina Art Noveau.
(4 markah)
- c. Salah satu bangunan terkemuka era Senibina Art Noveau adalah Casa Mila oleh Arkitek Antoni Gaudi (1859). Bincangkan **dua (2)** inspirasi Antoni Gaudi di dalam mereka bentuk bangunan tersebut. Anda boleh menggunakan lakaran untuk membantu penerangan.
(8 markah)

SOALAN 3

- a. Berikan **tiga (3)** ciri am reka bentuk bangunan gaya moden pada awal abad ke 20 .
(3 markah)
- b. Rumah Schroder adalah reka bentuk terkenal semasa era *Modern International Style (De Stijl)*. Terangkan **dua(2)** ciri bangunan tersebut yang memenuhi rekabentuk gaya *De Stijl*.
(4 markah)
- c. Frank Lloyd Wright terkenal dengan falsafah Seni Bina Prairie ketika awal karier beliau. Beri pendapat anda bagaimana *key element* pada rekabentuk Rumah Prairie mematuhi falsafah tersebut. Anda boleh memberikan contoh bangunan untuk membantu penerangan anda.
(8 markah)

SOALAN 4

- a. Terangkan falsafah Senibina Le Corbusier di dalam mereka bentuk bangunan.
(3 markah)
- b. Le Corbusier telah memperkenalkan pendekatan Senibina Purist pada rekaan bangunan di awal kariernya.
Bincangkan **tiga(3)** ciri Senibina Purist dengan mengambil salah satu contoh bangunan rekaan beliau. Sertakan juga lakaran bagi membantu penerangan anda.
Penerangan (3m)
Lakaran (1m)
(12 markah)

[60 MARKAH]

BAHAGIAN C (30 MARKAH)

Bahagian ini mengandungi **SATU (1)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada Kertas Jawapan.

SOALAN 1

- a. Terangkan bagaimana Gaya Art Deco telah mempengaruhi gaya Senibina di Malaysia sebelum merdeka.

(5 markah)

- b. Terangkan **dua (2)** ciri Menara Tabung Haji rekaan Arkitek Hijaz Kasturi.

(4 markah)

- c. Terangkan **tiga (3)** ciri bangunan Perpustakaan Negara Malaysia yang mengambil idea identiti kebangsaan.

(6 markah)



Soalan (d) berdasarkan **Gambarajah 3**

- d. **Gambarajah 3** di atas adalah bangunan Mesiniaga rekaan Arkitek Ken Yeang. Berdasarkan kepada gambarajah tersebut, berikan pendapat anda tentang bagaimana reka bentuk bangunan tersebut memenuhi ciri-ciri rekabentuk klimatik? Anda boleh menggunakan lakaran untuk membantu penerangan anda.

(15 markah)

[30 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT